



الجامعة التقنية الماليزية
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

PROSIDING SEMINAR PENYELIDIKAN PEMIKIRAN & KEPIMPINAN **MELAYU** 2013

Terbitan:



©Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Hakcipta terpelihara

Tidak dibenarkan mengulang dalam apa-apa jua bentuk dan dengan apa juga cara baik secara elektronik, fotostat, mekanik, rakaman atau lain-lain, mana-mana bahagian kandungan penerbitan ini sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pengarah, Institut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK), Universiti Teknologi MARA, Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre, 40450 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan Malaysia.

Perpustakaan Negara Malaysia – Data Pengkatalogan – dalam – Penerbitan

Prosiding Seminar Penyelidikan Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu.

Diterbitkan di Malaysia oleh:

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu
Blok 11, Aras 3, Intekma Resort & Convention Centre,
40450 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan Malaysia.
Tel: 03-5522 5448 / 5515
Fax: 03-5522 5489
e-mail: impakuitm@salam.uitm.edu.my

Mengandungi Indeks

ISBN 978-967-11172

e-Printed oleh: INSTITUT PEMIKIRAN DAN KEPIMPINAN MELAYU (IMPAK)

Pendapat yang dikemukakan oleh penulis-penulis dalam prosiding ini adalah pandangan peribadi mereka dan tidak semestinya mewakili pandangan Insitut Pemikiran dan Kepimpinan Melayu (IMPAK) dan UiTM. Sebarang ulasan, kemosykilan dan pertanyaan tentang artikel-artikel yang diterbitkan hendaklah dikemukakan kepada Sidang Editor.

Sidang Editorial

Pengerusi:

Prof. Madya. Dr. Mohd Sazili Mohd Shahibi

Ketua Editor:

Dr. Samsudin Wahab

Senarai Editor:

Prof Madya Dr. Rozi Malim

Prof Madya Dr. Ghazali Daimin

Prof Madya Mat @ Muhammad bin Yusoff

Tuan Haji Juwahir Ali

Hasan Abdullah

Fairul Nazmie bin Osman

Norhayati Hussin

Grafik:

Mohd Husni Mohd Som

Mohd Hafiz Ab Satar

Hussien Harnis

JADUAL KANDUNGAN

Tajuk	Muka Surat
Dasar Kepimpinan Najib: Model Transformasi Ke Arah Kesejahteraan Global <i>Dr Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali dan Hasan Abdullah FELO, Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu IMPAK</i>	3-10
Peranan Komunikasi Visual dalam Perpaduan Melayu <i>Prof. Madya Dr Ghazali Daimin, IMPAK</i>	11-15
Bangsa Melayu dan Orang Jawi Menurut Kitab Turath Arab <i>Wan Kamal Nadzif bin Wan Jamil, CITU, UiTM Perak</i>	16-22
Pengaruh Status Ekonomi Keluarga Terhadap Tahap Motivasi dan Pencapaian Akademik Pelajar Melayu: Kajian terhadap pelajar Mengubah Destini Anak Bangsa <i>Zarul Azhar Nasir, Unit MDAB UiTM Perak</i>	23-29
Perbandingan Manoriti Melayu Ayutthaya & Pattani Dalam Domain Keluarga, Bahasa, Budaya, Pendidikan, Pekerjaan, Sosial & Politik <i>Prof Madya Dr Muhammad Rozi Malim, IMPAK</i>	30-42
Komunikasi Efektif Melalui Media Perantaraan Di Kalangan Masyarakat Melayu Melaka <i>Raha Radzi Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Melaka</i>	43-57
Estetika Melayu dalam Seni Moden Malaysia <i>Nurkhazilah Idris, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Kuala Terengganu</i>	58-67
Kajian Budaya Dan Fundamental Terhadap Seni Lukisan Kontemporari Malaysia : Masyarakat Jawi Peranakan <i>Siti Nur Izaura Bt Mohd Razis, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Shah Alam</i>	68-77
Atlet Bumiputera: Tahap Keyakinan Diri dan Pencapaian Dalam Sukan <i>Dr. Vincent A. Parnabas, Fakulti Sains Sukan, UiTM Shah Alam</i>	78-77
Pembentukan Kerangka Sosio-Budaya Anthropologi Terhadap Budaya Masyarakat Minangkabau Di Malaysia <i>Nurul Shima Taharuddin Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Perak</i>	84-90
Budaya dan Tradisi Seni Anyaman Melayu <i>Noor Hafiza Ismail, Fakulti Seni Lukis & Seni Reka, UiTM Terengganu</i>	91-97
Manifestasi Pandangan Dunia Melayu Dalam Rupa Dan Jiwa Seni Catan Wanita Melayu <i>Liza Marziana Haji Mohammad Noh, Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM Melaka</i>	98-106
Strategi Pujuk Rayu Dalam Perkahwinan: Tanggapan dan Pengalaman Lelaki Melayu Dalam Konteks Komunikasi Interpersonal <i>Hariyati Ariffin, Fakulti Komunikasi dan Pengajian Media, UiTM Shah Alam</i>	107-118

DASAR KEPIMPINAN NAJIB: MODEL TRANSFORMASI KE ARAH KESEJAHTERAAN GLOBAL

Samsudin Wahab, Mohd Sazili Shahibi, Juwahir Ali, Hasan Abdullah

Institut Pemikiran Dan Kepimpinan Melayu

Universiti Teknologi MARA

samsudinw@puncakalam.uitm.edu.my

ABSTRAK

Kajian konsep ini melihat pendekatan model transformasi dalam amalan politik dan pentadbiran Najib. Pendekatan ini bermula sejak era pemerintahan Tun Razak, dimantapkan lagi pada era Tun Mahathir menampakkan model transformasi ini menjadi popular berbanding beberapa teori awal seperti altruisme. Model transformasi mempunyai paradoksi tersendiri yang akan akhirnya membawa kepada sistem pemerintahan baru yang berkesan dan sesuai dengan keperluan zaman. Kertas ini membuat rumusan mengenai model politik transformasi Najib yang lebih menampakkan variasi yang menyeluruh kepada pembangunan modal insan, pembangunan ekonomi yang merupakan teras kepada kekuatan pentadbiran. Transformasional Najib telah berjaya memikat pelaburan asing, meningkatkan pusingan wang dalam ekonomi serta menyakinkan rakyat terhadap kemampuan kerajaan sedia.

Kata-Kunci: Altruism, transformasi, kepimpinan berkesan.

1.0 PENGENALAN

Perubahan pucuk pimpinan negara dari Tun Mahathir kepada Abdullah dan kemudian kepada Najib Tun Razak telah menjadi harapan sebahagian besar birokrat yang ingin melihat perubahan kepimpinan politik pentadbiran negara. Kepakaan, keprihatinan dan komitmen di kalangan rakyat pada awalnya lesu kini semakin meningkat dan kesedaran mereka semakin tinggi kepada pemimpin yang bersih dari segi rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Namun begitu setelah beberapa negeri telah jatuh ke tangan pembangkang dan peralihan kuasa daripada Abdullah kepada Najib menjadikan isu stail kepimpinan peribadi pemerintah di Malaysia semakin menarik dan unik. Antara menjadi fokus ialah bagaimana Najib perlu memikirkan penilaian kepimpinan politik pentadbiran yang sesuai dengan kehendak rakyat kerana sebarang kesan yang berlaku sudah pasti akan memberikan impak kepada parti yang diwakili terutamanya wakil Barisan Nasional yang dipimpin oleh beliau.

Secara umumnya, objektif kertas ini akan melihat corak kepimpinan politik pentadbiran Najib sebagai pemimpin negara ini bermula dari acuan model transformasi yang telah dibina oleh tokoh-tokoh sebelumnya di era Tun Razak dan Tun Mahathir.

2.0 ULASAN KARYA

2.1 MODEL ALTRUISME, KEPIMPINAN SERVANT DAN KEPIMPINAN ISLAM

Boleh dikatakan gelagat pentadbiran Najib telah menepati ciri-ciri seorang pemimpin Altruisme. Penekanan yang diberikan dalam dasar-dasar transformasi sekarang memberi penekanan kepada keseimbangan kesejahteraan rakyat yang berbilang kaum. Konsep altruism itu sendiri mengkehendaki seseorang pemimpin berkorban untuk rakyat yang diperintah. Sifat-sifat kepimpinan ini amat penting dalam memberikan kesaksamaan dan keadilan bagi sebuah negara moden atau *nation state*. Kontrak

sosial yang mengikat perjanjian di antara kerajaan dan rakyat bukan sahaja perlu dipatuhi oleh pemimpin tetapi juga perlu dihayati, amanah yang diberikan sebenarnya adalah satu tanggungjawab yang berat. Dari segi definisi, kewujudan negara moden pada masa akan datang akan memerlukan seorang pemimpin yang berjiwa rakyat dan mendokong aspirasi rakyat.

Semangat altruism Najib turut menepati apa yang diperkatakan oleh John Broadly Rawls. Rawls mengutarakan kesaksamaan, keadilan dan kebebasan yang bukan sahaja dinikmati oleh sesebuah masyarakat atau kerajaan tetapi juga sebuah unit keluarga dalam masyarakat. Rawls juga memperjuangkan kebebasan politik, hak sama rata di antara lelaki dan wanita dan juga sifat-sifat pemimpin yang boleh memberikan kesaksamaan dan keadilan bagi masyarakat dan negara tersebut. Dalam bukunya *A Theory of Justice*, beliau memperjuangkan sifat-sifat pemimpin yang bermoral dan beretika iaitu akauntabiliti dan integriti yang mampu memaparkan dua nilai yang amat diperlukan oleh manusia iaitu kesaksamaan dan keadilan. Tetapi, ianya perlu diiringi dengan idea-idea kebebasan politik dan pendemokrasian dalam sesebuah kerajaan bagi melahirkan masyarakat yang lebih progresif dan maju.

Paterson (2003) telah meletakkan nilai etika seseorang pemimpin sebagai elemen sangat penting dalam tingkah laku yang akan digunakan. Sebanyak lebih dari 50 Kajian empirikal mengesahkan bahawa pemimpin yang berdasarkan nilai etika dalam kepimpinan telah berjaya meningkatkan motivasi pengikut dan prestasi kerja (Fry, 2003). Kebanyakan ahli sains sosial bersetuju bahawa altruisme mempunyai ciri-ciri persamaan yang tertentu dengan kepimpinan servant khususnya berkaitan dengan kepimpinan etika. Kepimpinan servant adalah diasaskan oleh ahli falsafah barat, Robert Greenleaf pada tahun 1970 dalam bukunya yang bertajuk “*Servant Leadership*”.

Kepimpinan Najib juga boleh dikaitkan dengan model kepimpinan servant yang mempunyai sepuluh ciri iaitu integriti, altruisme, keadilan dan kesaksamaan, penurunan kuasa, *agapao love*, visi yang jelas, sifat kemanusiaan, penyayang, merendah diri dan kebolehpercayaan. Kesepuluh ciri tersebut boleh dibahagikan kepada dua kriteria yang melibatkan seseorang pemimpin. Ini dapat dibuktikan dengan dua kriteria utama yang ada pada Najib untuk digolongkan sebagai pemimpin servant melalui nilai-nilai utama yang ditekankan oleh beliau dalam kepimpinannya. Mengimbas kembali gaya kepimpinan beliau sepanjang kerjayanya adalah didapati bahawa sifat merendah diri dan suka berkhidmat untuk kepentingan rakyat tidak pernah ditinggalkan oleh beliau.

Najib mempunyai personaliti sebagai seorang yang tegas dan berani dalam membuat keputusan. Personalitinya adalah bersifat diplomasi dan menjurus kepada kepimpinan servant. Perwatakan kepimpinan servant bercorakkan diplomasi boleh digambarkan seperti altruisme, integriti, keadilan dan kesaksamaan, *agapao love* dan sifat kemanusiaan sesama insan. Beliau mempercayai orang di bawah kepimpinannya yang dianggap sebagai seorang yang matang dan boleh dipercayai. Al-Attas and Wan Daud (2007) menekankan kepentingan konsep ‘boleh dipercayai’ atau (*amaanah*) sebagai asas untuk menjadi seorang yang bertanggungjawab ‘responsibility’ (*taklif*) dan akauntabiliti (*mas’uliyah*). Islam ialah satu cara hidup *Ad-din* yang perlu ditafsirkan secara menyeluruh. Al-Quran telah menerangkan dengan jelas bahawa setiap manusia itu dijadikan sebagai khalifah yang diturunkan ke atas dunia bagi memimpin kearah kebaikan sejagat.

Pendekatan Pembangunan Modal Insan adalah bertujuan melahirkan generasi yang berpengetahuan dan mempunyai nilai jati diri yang tinggi dalam menjalani kehidupan yang berkelas pertama dunia. Manakala, Pelan Integriti Nasional adalah melahirkan pekerja-pekerja yang mempunyai ketulusan, kebertanggungjawaban dan keintegritian dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai pekerja. Ini dikhususkan kepada golongan pekerja sektor awam yang dikemukakan oleh Sivamurugam Pandian (2007). Dengan yang demikian semenjak Pelan Integriti Nasional dilaksanakan di bawah pimpinan Abdullah telah memperlihatkan satu asas ke arah mempertingkatkan imej sektor awam. Walaupun ramai yang sangsi akan keberkesanan Pelan Integriti Nasional tersebut pada awalnya tetapi pada dasarnya dewasa ini ia telah menampakkan hasilnya selepas beberapa tahun kemudian. Perbicaraan dan penahanan pegawai-pegawai sama ada di peringkat pengurusan tinggi mahupun peringkat bawahan telah dilakukan oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia. Ini telah melonjakkan nama

Najib di peringkat nasional mahupun luar negara sebagai seorang pemimpin yang tegas dalam membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

2.2 MODEL TRANSFORMASI DALAM KEPIMPINAN

Secara umumnya, transformasi dalam pemerintahan membawa maksud peranan yang dimainkan oleh pemimpin bagi menukar organisasi yang dipimpin kepada visi dan misi yang hendak dicapai oleh organisasi berkenaan. Sebagaimana yang banyak dibincangkan dalam karya kepimpinan, pemimpin transformasi boleh dijelaskan dalam banyak aspek (misalnya Akata, 2008; Aabed, 2006; Johnson, 2008; Manners, 2008). Perspektif ini berubah daripada tahap penglibatan seseorang pemimpin dan pengikut secara bersama dalam keadaan yang terdorong untuk mencapai matlamat organisasi yang idealistik (Northouse, 2004; Elsegeiny, 2005; Akata, 2008) melalui tindakan kerjasama dan persekitaran yang kondusif (Strodl and Johnson, 1994) dan memerlukan perubahan dalam tujuan dan sumber bagi mencapai perhubungan yang baik antara ketua dan pengikut-pengikut (Leithwood, 1996).

Menyingkap sistem kepimpinan Najib, transformasi yang dilaksanakan dalam pentadbirannya mempunyai kaitan dengan pencapaian yang hendak dicapai. Target dan sasaran ini telah dikongsi bersama dengan rakyat melalui idea dan strategi baru yang dijelaskan melalui NKRA, MBE dan gagasan 1Malaysia yang dilancarkan selepas mengambil alih tumpuk pemerintahan dari Tun Abdullah Badawi. Dalam transformasi ini Najib telah dengan jelas mahukan sokongan yang tidak berbelah bagi rakyat untuk sama-sama membantu dalam menjayakan transformasi yang dilaksanakan. Hasrat dan matlamat transformasi telah disampaikan dengan jelas melalui ucapan-ucapan berkala kepada berbagai kelompok masyarakat di seluruh negara.

Dalam pada itu Burns (1978) telah menjelaskan kepimpinan transformasi sebagai satu konsep perhubungan yang dijalankan antara ketua dan pengikut-pengikutnya. Ciri-ciri yang ada pada Najib yang sentiasa turun padang untuk berjumpa rakyat adalah menjadi bukti kepada parlaksanaan transformasi seperti yang ditakrifkan oleh Burns. Bass dan Avolio (1997) telah mengembangkan teori transformasi dengan menyenaraikan 4 komponen penting dalam kepimpinan transformasi iaitu: stimulasi intelek yang mengajak pengikut berfikir secara kreatif dan inovatif; pertimbangan individu dengan mendapat sokongan dari ketua sebagai satu bentuk galakan; inspirasi motivasi yang mementingkan kearah pencapaian tertentu yang jelas dan dikongsi bersama dengan ketua; pengaruh ideal iaitu ketua bertindak sebagai model utama dalam perubahan. Kesemua empat ciri tambahan ini dapat dijelaskan dalam gagasan-gagasan yang telah diperkenalkan oleh Najib dalam pemerintahannya seperti yang dijelaskan dibawah;

(i) Gagasan 1Malaysia

Gagasan 1Malaysia merupakan satu gagasan bagi memupuk perpaduan di kalangan rakyat Malaysia yang berbilang kaum. Ia berteraskan kepada beberapa nilai penting. Konsep keadilan yang ini menampakkan kesanggupan kerajaan untuk mencapai keadilan secara sama rata antara kaum namun kebebasan yang diberikan masih tertakluk kepada prinsip-prinsip rukun Negara dan perlombagaan. Tidak ada mana-mana individu akan dipinggirkan.

Perpaduan menjadi agenda penting kerana ia merupakan kunci kepada pembangunan negara. Ini bermakna dasar keadilan baru yang akan digunakan boleh melibatkan pindaan kepada undang-undang sedia ada di mana sesuai kecuali perkara 156 yang berkaitan dengan hak istimewa orang-orang Melayu. Prinsip rukun negara dan perlombagaan masih diguna pakai.

Gagasan ini juga menekankan perlunya nilai-nilai aspirasi pada masyarakat. Nilai ini penting kerana ia boleh menyiapkan rakyat negara ini supaya menjadi tenaga kerja yang mampu bersaing. Nilai baru yang berdaya maju kepada sumber manusia seperti budaya inovasi, prestasi tinggi, berilmu, bijaksana, integriti, setia dan tabah menjadi budaya baru dikalangan masyarakat. Nilai murni seperti yang telah ditekankan oleh pemimpin sebelum ini terus dipahatkan termasuklah nilai hormat menghormati, nilai rendah diri, kesederhanaan dan berbudi bahasa.

(ii) Model Baru Ekonomi (MBE)

Satu model pembangunan ekonomi telah dibentuk bagi memperbaiki taraf ekonomi penduduk di Malaysia. MBE yang dirangka lebih menitikberatkan kepada penjanaan pendapatan kepada Negara yang akan refleks kepada kesejahteraan rakyat. Projek-projek yang berdaya maju akan diberikan keutamaan sesuai dengan persekitaran persaingan yang dihadapi oleh negara-negara dunia ketiga. Hanya projek pelaburan yang menepati kriteria tertentu sahaja akan diberi keutamaan. Aktiviti menggerakkan ekonomi dan pelaburan dalam negeri juga diberi keutamaan kerana ia merupakan teras kepada kesejahteraan dan pembangunan rakyat sejagat.

Model ini juga melibatkan penyusunan semula sektor swasta melalui pewujudan pusingan ekonomi tempatan serta peningkatan sumber bagi memastikan sumbangan sektor ini dapat ditingkatkan semula. Selain ini MBE juga mementingkan elemen inovasi semangat tunggang kepada kejayaan keusahawanan di Malaysia. Seperti kita semua sedia maklum, SME merupakan penyumbang utama kepada ekonomi negara oleh itu prasarana inovatif perlu diwujudkan bagi menyokong pemantapan industri tempatan dalam menyahut persaingan global. Peningkatan kualiti dalam perkhidmatan awam juga tersenarai dalam MBE, susunan semula struktur perkhidmatan awam penting supaya ia bersesuaian dengan budaya kualiti sebagaimana yang diamalkan oleh negara maju seluruh dunia. Matlamat MBE juga menumpukan kepada pengurangan jurang perbezaan pendapatan isu rumah. Objektif terakhir MBE ialah untuk melihat supaya segala perancangan yang dibuat bagi mencapai visi dapat direalisasikan melalui inisiatif-inisiatif yang selari dengan program 1Malaysia, perancangan bajet tahunan dan RMK10.

(iii) Program Transformasi Kerajaan (PTK)

Penetapan target dan sasaran yang lebih sesuai dengan persekitaran semasa adalah penekanan baru yang diambilkira dalam program transformasi kerajaan. Pengemaskinian dan penambahbaikan dalam pentadbiran dibuat secara menyeluruh di semua jabatan dimana elemen penting yang dititik beratkan ialah keberkesanannya perkhidmatan melalui penetapan KPI baru yang lebih relevan dengan permintaan semasa.

Program Transformasi Kerajaan (GTP) diperkenalkan oleh Perdana Menteri, Dato' Sri Najib Tun Razak pada bulan April 2009, dan akan diterajui oleh beliau. Dua objektif GTP adalah: pertama, untuk mentransformasikan kerajaan agar menjadi lebih efektif dalam penyampaian perkhidmatan dan bertanggungjawab atas keberhasilan yang menjadi keutamaan kepada rakyat; dan kedua, memacu Malaysia ke arah melahirkan masyarakat yang maju, bersatu-padu dan saksama dengan standard kehidupan yang tinggi untuk semua. Ini sejajar dengan misi nasional ke arah mencapai Wawasan 2020 untuk Malaysia mencapai status negara maju sepenuhnya.

(iv) Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) dan Lonjakan Inovasi

Prestasi setiap kementerian dan jabatan diukur melalui petunjuk Indeks Prestasi KPI. Demi menjana pembangunan Negara dan kemakmuran rakyat Pelan Transformasi Ekonomi dilaksana dengan pelaburan ratusan billion. Pelaksanaan RMK10 dan NKRA serta Pelan Transformasi kerajaan sedang berjalan dengan telah disusun dengan baik dan dijalankan secara berkala bagi memperbaiki serta menambahbaik pentadbiran negara selaras dengan matlamat positif yang ingin dicapai. Perenggan seterusnya akan menyenaraikan sepuluh komponen NKRA dan mengaitkan setiap program dengan model altruism, servant dan Islam sebagaimana yang telah dipilih sebagai asas kepada integrasi model pimpinan Najib pada era pemerintahannya sekarang.

a) Matlamat mengurangkan kadar jenayah

Hasrat untuk mengurangkan kadar jenayah di dalam negara merupakan tanggungjawab seorang pemimpin. Hanya pemimpin yang mempunyai kuasa untuk membuat pindaan dalam mekanisma kawalan jenayah di dalam sesebuah negara. Dalam hal ini usaha telah dilakukan dalam aspek

keselamatan negara dengan merombak struktur pentadbiran keselamatan negara termasuk polis, tentera dan susunan semula sumbangan pasukan rela dalam aktiviti-aktiviti awam. Usaha Najib dalam membanteras jenayah merupakan satu usaha yang boleh dikaitkan dengan hasrat untuk mewujudkan negara yang aman yang mana boleh membantu untuk mewujudkan masyarakat yang saling hormat menghormati, membantu dan beretika dalam kehidupan. Aspek menjaga kebajikan rakyat amat sinonim dengan model kepimpinan Altruism.

b) Memerangi rasuah

Kerajaan dibawah pimpinan Najib amat komited dalam usaha memerangi rasuah. Seperti mana yang kita semua tahu, gejala rasuah haruslah dibendung sebelum ianya terus menjadi barah. Badan antarabangsa iaitu *Transparency International dalam Corruption Perception Index* mereka, meletakkan Malaysia di tangga 47 pada tahun 2008 berbanding dengan kedudukan nombor 39 pada tahun 2004. Oleh itu, untuk memastikan persepsi kedudukan dan ranking Malaysia bertambah pulih pada masa hadapan, kerajaan beriltizam mengemas kini polisi, prosedur dan penguatkuasaan yang berkaitan. Sehubungan dengan itu, kerajaan telah pun mengambil keputusan bahawa semua perolehan kerajaan haruslah menggunakan tender terbuka atau pun tender terhad kecuali dalam kes-kes tertentu. Manakala dari segi peningkatan penguatkuasaan, kerajaan telah pun menaikkan taraf badan pencegah rasuah menjadi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dengan bidang kuasa dan perundangan yang lebih efektif.

c) Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti dan Berkemampuan

Perdana Menteri mahu memastikan anak-anak bangsa mendapat akses kepada pendidikan berkualiti dan berkemampuan. Mahu tidak mahu, generasi muda Malaysia perlu berilmu, mesti berfikiran kreatif, berinovatif, bercirikan nilai murni serta mampu bersaing di persada internasional yang penuh cabaran ini dari kemudahan yang diberikan. Hasrat ini selari dengan matlamat melahirkan masyarakat yang mempunyai minda kelas pertama, mempunyai pengetahuan tinggi untuk menyahut *k-workers* yang lebih berdaya saing bagi mencapai wawasan 2020. Salah satu daripada matlamat yang disenaraikan dalam MEB ialah untuk mewujudkan sumber modal manusia yang berilmu bagi memenuhi keperluan tenaga manusia yang diperlukan pada tahun 2020 kelak.

d) Meningkat Taraf Hidup Rakyat Yang Berpendapatan Rendah

Perdana Menteri juga bertekad untuk membanteras kemiskinan tegar menjelang 31 Disember 2010 sesuai dengan matlamat RMK9. Mengikut rekod sistem e-kasih, terdapat hampir 45,000 ketua isi rumah (KIR) miskin tegar di seluruh negara. Daripada jumlah itu, lebih 11,000 telah disahkan statusnya dan telah pun mendapat bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat. Manakala pengesahan status lebih 14,000 KIR di Sabah dan Sarawak sedang giat dijalankan oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan dijangka selesai pada penghujung tahun 2010. Bersesuaian itu kerajaan berhasrat untuk melatih dan melahirkan lebih ramai jumlah usahawan wanita. Sehingga Jun 2009 sahaja, seramai 717 wanita yang berpotensi untuk dibimbang menjadi usahawan dalam program Sahabat Amanah Ikhtiar telah dikenal pasti. Justeru, kerajaan dengan ini menetapkan matlamat untuk menambah lagi jumlah usahawan di kalangan wanita ini kepada seramai 4,000 orang menjelang tahun 2012 melalui program Amanah Ikhtiar Malaysia. Soal menjaga kebajikan rakyat sangat diberi perhatian oleh Najib, selain program tersusun untuk menaikkan taraf ekonomi masyarakat program bantuan rakyat 1 Malaysia telahpun dilaksanakan.

e) Memperkasa Prasarana Luar Bandar dan Pedalaman

Bersesuaian dengan semangat dan konteks ajaran al Quran Surah Al-Hashr ayat 7 bahawa, janganlah hendaknya harta dan kekayaan itu beredar di kalangan orang-orang berada sahaja bahkan sepatutnya ia melimpah ke seluruh negara. Maka, atas prinsip maslahah umum juga, tiada yang sepatutnya tercicir dari merasai mahsul kemakmuran. Bagi melancarkan pembangunan di luar bandar, banyak program pembinaan jalan telahpun dilaksanakan di seluruh negara. Jalan baru yang menghubungkan


terus kawasan kampung ke bandar telah berjaya membuka peluang untuk memasarkan hasil dari luar bandar. Program menaiktaraf bekalan air minuman, bekalan elektrik ke luar bandar serta bantuan pembinaan rumah kediaman kepada rakyat miskin telah menyemarakkan lagi program transformasi dalam kepimpinan Najib.

f) *Menambah Baik Pengangkutan Awam dalam jangka masa sederhana*

Rangkaian sistem pengangkutan awam telah diberikan penumpuan oleh Perdana Menteri. Penambahbaikan perkhidmatan awam ini boleh mengelakkan masalah lambakan kenderaan di jalan raya terutama di musim perayaan. Di kawasan bandar jalinan LRT dan bas awam telah disusun semula agar kewujudan sistem pengangkutan ini dapat membantu mengelakkan kemalangan dan memastikan warga kota selesa berulang alik ke tempat kerja. Tumpuan dibuat di kawasan Bandar sesuai dengan lokasi Bandar yang lebih menjadi tumpuan pelancong dari luar negara.

Hasil daripada pemerhatian terhadap pimpinan Najib maka dapatlah kita gambarkan model kepimpinan beliau menggunakan model seperti dibawah;

KERANGKA MODEL TRANSFORMASI NAJIB



3.0 KESIMPULAN

Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) ini membuktikan Kerajaan di bawah pimpinan YB Dato Seri Najib Tun Razak begitu telus dan komited untuk melaksanakan transformasi perkhidmatan kerajaan yang bermutu tinggi kepada rakyat.

Selain daripada itu juga Kerajaan pimpinan YB Perdana Menteri telah memperkenalkan sistem pengukuran prestasi yang boleh membuktikan secara fakta keberkesanan setiap 6 bidang NKRA. NKRA yang digabungkan dengan konsep Gagasan 1Malaysia, MBE dan Program Transformasi Kerajaan merupakan gabungan manifestasi kerajaan dalam meletakkan amanah dan mandat rakyat di kedudukan tertinggi dan bermaruah di samping mencapai konsep 1Malaysia di mana, “rakyat didahulukan dan pencapaian di utamakan.” Transformasi besar ini telah menjadi kunci kepada keyakinan pelabur asing untuk datang membuat pelaburan di Malaysia disamping menjadi penggerak kepada pusingan ekonomi tempatan melalui skim galakan pembangunan setempat termasuk pembinaan jalan raya dan infrastruktur pemangkin ekonomi. Gagasan 1Malaysia mampu mewujudkan

kesamaan antara kaum yang bertujuan mencapai rakyat yang bersatu dibawah satu negara dan satu bangsa. Kekuahan ini boleh menarik minat pelabur serta melipatgandakan keyakinan dunia terhadap Malaysia.

RUJUKAN

- Aabed, A. (2006). A study of Islamic leadership theory and practice in K-12 Islamic schools in Michigan. A published doctoral dissertation AAT 3206991, Brigham Young University. <http://proquest.umi.com/pqdweb?index=3&did=1176532061&SrchMode=1&sid=1&Fmt=2&VInst=PROD&VType=PQD&RQT=309&VName=PQD&TS=1229592810&clientId=39685>
- Akata, G.I. (2008). Leadership in the Niger Delta Region of Nigeria: A study of the perceptions of its impact on the acquired leadership skills of expatriate Nigerian postgraduates. Published doctoral dissertation presented to the faculty of the Department of Educational Leadership and Policy Analysis, East Tennessee State University UMI 3308015
- Al-Attas, S.M.N. and Wan Daud, W.M.N. (2007). The ICLIF leadership competency model (LCM): An Islamic alternative. Kuala Lumpur: The International Centre for Leadership in Finance.
- Johnson, L.(2008). An exploratory study of servant leadership, emotional intelligence, and job satisfaction among high-tech employees. D.M. dissertation, University of Phoenix, United States - - Arizona. Retrieved August 23, 2010, from Dissertations & Theses: Full Text.(Publication No. AAT 3371530).
- Manners, A.(2008). Influence of transformational, autocratic, democratic, and laissez-faire leadership principles on the effectiveness of religious leaders. D.M. dissertation, University of Phoenix, United States -- Arizona. Retrieved August 23, 2010, from Dissertations & Theses: Full Text.(Publication No. AAT 3370948).
- Bass, B.M. & Avolio, B.J. (2005). Transformational leadership. Mahwah, NJ: L. Erlbaum Associates.
- Burns, J.M. (1978). Leadership. Harper & Row.
- Northouse, G. P. (2004). *Leadership: theory and practice*, (3rd edn). Thousand Oaks, California: Sage Publications Inc.
- Elsegeiny, S.K. (2005). American Muslim school leadership: Principal and teacher perspectives. Published doctoral dissertation, University of New Orleans. UMI 3175817, <http://www.proquest.com>
- Strodl, P. and Johnson, B. (1994). Multicultural leadership for restructured constituencies.Sage Publications.
- Leithwood, K., Tomlinson, D., and Gene, Chapman, J., Corson, D., Hallinger, P. and Hart (Eds) (1996). Transformational school leadership. International handbook of leadership and administration. Kluwer, Dordrecht and London.
- Eisenberg, N. (1986). *Altruistic emotion, cognition, and behavior*.Hillsdale, NJ: Erlbaum
- Akmar Hisham Mokhles. *Transformasi Najib*, First Edition Bookstores: Petaling Jaya, Selangor

Najib Tun Razak – MELAKAR TRANSFORMASI MALAYSIA, Jabatan Penerangan Malaysia,
Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan (KPKK)

Model Baru Ekonomi Untuk Malaysiabahagian Akhir Laman web: www.neac.gov.my

Jencks, C. (1990). Varieties of altruism. In J. Mansbridge (Ed.), Beyond self-interest (pp. 53-67).
Chicago: The University of Chicago Press.

Kaplan, S. (2000, Fall). Human nature and environmentally responsible behavior. Journal of Social
Issues, 56(3), 491-505.

Patterson, K. (2003). Servant Leadership: a theoretical model. Dissertation Abstracts International,
64(02), 570. (UMI No. 3082719)

Fry, L. W. (2003). Toward a theory of spiritual leadership. The Leadership Quarterly, 14, 693-727.

Andrew Ma-Leadership Advance Online– Issue XVI, Spring 2009© 2009 School of Global
Leadership & Entrepreneurship Regent University, ISSN 1554-3757, www.regent.edu/lao

Rawls, J.B. (1971). *A Theory of Justice*. Harward University Press: United States.

Greenleaf R. 1970. *Servant Leadership and the individual*. New York : Greenleaf Center.

Sivamurugan Pandian. 2004. *Legitimasi Politik Di Malaysia : Satu Kajian Mengenai Kepimpinan Dr.
Mahathir Mohamed*. Kuala Lumpur : Utusan Publications.

Winston, B.E. (2002). *Be a leader for God's Sake*. Virgenia Beach, VA: Regent University School of
Leardership Studies.